

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 18/6/2010

Dr. Mahathir sokong tubuh kementerian PKS ganti MECD

UM-18/06/2010

KUALA LUMPUR 17 Jun – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) menyokong cadangan mewujudkan Kementerian Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menggantikan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) yang ditutup tahun lalu.

Dr. Mahathir berkata, beliau bersejua dengan cadangan penubuhan kementerian itu supaya usahawan PKS terus mendapat pembelaan kerajaan.

Menurutnya, beliau tidak tahu di

mana silapnya sehingga kerajaan menutup MECD tetapi ia mungkin kerana desakan beberapa pihak yang sentiasa menimbulkan isu kononnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak adil pada mereka.

“Usaha kerajaan membantu membangunkan usahawan bumiputera tidak menghalang pertumbuhan ekonomi negara yang meningkat lapan peratus



antara 1987 hingga 1997,” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu menerima kunjungan hormat 16 Ahli Jawatankuasa Simposium Usahawan PKS Dalam 1Malaysia di pejabatnya di sini hari ini.

Kunjungan hormat itu diketuai Pengerusi Eksekutif Konsortium Usahawan Mahanan dan Industri Asas Tani Sdn. Bhd (Komita), Sheikh Ahmad Du-

suki; Pengerusi GiatMara yang juga Penaung Komita, Meriyam Abdul Majid dan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd., Datuk Ameer Ali Mydin.

Pada pertemuan itu, Dr. Mahathir selaku penaung simposium yang diadakan pada 22 April lalu di Kota Bharu, Kelantan menandatangani resolusi supaya kerajaan menubuhkan kementerian PKS seperti yang terdapat di India dan United Kingdom.

Resolusi itu juga antaranya men-

cadangkan supaya SME Bank Bhd.; SME Corporation Malaysia (SME Corp.); Institut Keusahawanan Negara (Insken), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) diletakkan di bawah kementerian itu untuk memastikan usahawan PKS mendapat pembelaan.

Menurut Sheikh Ahmad, resolusi itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam masa terdekat.